



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

#### **Penduduk Kampung Masjid Baru, Asahan, Melaka Nikmati Kemudahan Jalur Lebar**

**ASAHAN, 1 Mac 2013** – Penduduk Kampung Masjid Baru, Asahan kini dapat menikmati kemudahan jalur lebar dengan terbinanya Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) yang dijayakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

PI1M adalah di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) yang dikendalikan oleh SKMM. Program ini memberi fokus kepada pemberian perkhidmatan capaian internet secara kolektif kepada kawasan yang kurang liputan perkhidmatan. Program ini juga bertujuan untuk merapatkan jurang digital di antara masyarakat di luar bandar dan di dalam bandar bagi mengecapi pembangunan yang sama rata dan seimbang.

Di negeri Melaka terdapat dua buah daerah yang telah dikenalpasti sebagai daerah sasaran Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) iaitu daerah Jasin dan Alor Gajah. Jumlah keseluruhan PI1M yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 16 buah; 4 buah PI1M di daerah Jasin dan 12 buah lagi di daerah Alor Gajah. Sejurus dengan itu, SKMM sedang melaksanakan penambahan PI1M seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2013.

Pusat Internet 1Malaysia yang dilengkapi dengan perkakasan IT terkini dan sambungan internet berkelajuan tinggi membolehkan masyarakat luar bandar memperolehi kemudahan yang sama tarafnya seperti di bandar. Ianya diwujudkan untuk membantu masyarakat luar bandar dalam peningkatan dan penguasaan bidang ICT serta memberi pengalaman merasai keseronokan menggunakan kemudahan internet seterusnya menggalakkan mereka memiliki kemudahan jalur lebar di rumah mereka sendiri.

Pusat Internet 1Malaysia yang dibuka setiap hari ini menawarkan latihan dan kursus-kursus yang berasaskan IT. Pengurus dan penyelia yang berkelayakan dilantik secara sepenuh masa bagi memastikan pembangunan modal insan yang terancang. Dengan adanya kemudahan seperti ini, komuniti setempat berpeluang mempelajari perkembangan ICT dengan lebih berkesan tanpa sebarang halangan dari segi faktor ekonomi.

Majlis pelancaran tersebut dirasmikan oleh YB AR Datuk Hj Ismail Bin Othman, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Negeri, Tanah, Kewangan dan



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

Perancangan Ekonomi, Teknologi Hijau dan Sains Teknologi, yang mewakili YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Baru, Melaka. Turut hadir adalah wakil-wakil dari SKMM dan Jabatan Kerajaan peringkat negeri dan daerah, syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan komunikasi, ketua-ketua kampung, JKKK dan komuniti setempat dari Kampung Masjid Baru.

[Tamat]

---

### **Nota kepada Editor:**

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman  
Ketua Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz  
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000

Faks: +603 8688 1007

E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)